



5 Julai 2024
5 July 2024
P.U. (A) 184

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN BAGI KAPAL MALAYSIA) 2024

INCOME TAX (EXEMPTION FOR MALAYSIAN SHIP) ORDER 2024

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN BAGI KAPAL MALAYSIA) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian bagi Kapal Malaysia) 2024**.

(2) Perintah ini hendaklah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2024 hingga tahun taksiran 2026.

Pengecualian

2. (1) Menteri mengecualikan seseorang yang bermastautin di Malaysia dan menjalankan perniagaan mengangkut penumpang atau kargo melalui jalan laut atas suatu kapal Malaysia atau menyewakan kapal Malaysia yang dimilikinya untuk pelayaran atau berdasarkan sewa mengikut tempoh dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran daripada—

(a) pemakaian subseksyen 54A(1) dan (2) Akta; dan

(b) pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperolehi daripada punca perniagaan yang terdiri daripada kapal Malaysia.

(2) Bagi maksud Perintah ini, orang yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah mendapatkan penentusahan tahunan daripada Kementerian Pengangkutan sebagaimana yang berikut:

(a) orang itu melakukan perbelanjaan operasi tahunan sekurang-kurangnya dua ratus lima puluh ribu ringgit

(RM250,000.00) bagi setiap kapal Malaysia; dan

(b) orang itu mempunyai bilangan pekerja sepenuh masa yang mencukupi di Malaysia bagi setiap kapal Malaysia—

(i) berhubung dengan pekerja pesisir, sekurang-kurangnya empat orang pekerja yang berikut dan majoriti pekerja itu hendaklah warganegara Malaysia:

(A) seorang ketua pegawai eksekutif;

(B) seorang pegawai tadbir dan kewangan;

(C) seorang pegawai operasi; dan

(D) seorang pegawai yang bertanggungjawab bagi hal ehwal kesihatan, perlindungan, keselamatan dan persekitaran; dan

(ii) berhubung dengan pekerja yang merupakan anak kapal di bawah Bahagian III Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 [*Ord. 70/1952*], pekerja itu hendaklah tertakluk kepada kehendak minimum sebagaimana yang dinyatakan dalam Perakuan Keanggotaan Selamat yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut Malaysia.

(3) Tiada apa-apa jua dalam perenggan ini boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan orang yang disebut dalam perenggan ini daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau untuk memberikan apa-apa maklumat lain di bawah Akta.

Dibuat 21 Jun 2024

[LHDN.AY.A 600-12/1/7 (29)-353; MOF.TAX(S)700-2/1/193 Jld.2 (3); PN(PU2)80/JLD.112]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Menteri Kewangan II

*[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4)
Akta Cukai Pendapatan 1967]*

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (EXEMPTION FOR MALAYSIAN SHIP) ORDER 2024

IN exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Income Tax (Exemption for Malaysian Ship) Order 2024**.

(2) This Order has effect from the year of assessment 2024 to the year of assessment 2026.

Exemption

2. (1) The Minister exempts a person who is resident in Malaysia and carries on the business of transporting passengers or cargo by sea on a Malaysian ship or letting out on charter a Malaysian ship owned by him on a voyage or time charter basis in the basis period for a year of assessment from—

(a) the application of subsections 54A(1) and (2) of the Act; and

(b) the payment of income tax in respect of the statutory income derived from a source of business consisting of a Malaysian ship.

(2) For the purposes of this Order, the person referred to in subparagraph (1) shall obtain an annual verification from the Ministry of Transport as follows:

(a) the person incurs annual operating expenditure of at least two hundred and fifty thousand ringgit (RM250,000.00) for each Malaysian ship; and

(b) the person has an adequate number of full-time employees in Malaysia for each Malaysian ship—

- (i) in relation to shore employees, at least four of the following employees and majority of the employees shall be Malaysian citizens:
 - (A) a chief executive officer;
 - (B) an administrative and finance officer;
 - (C) an operating officer; and
 - (D) an officer having charge of the health, protection, safety and environmental affairs; and

- (ii) in relation to employees who are ship personnel under Part III of the Merchant Shipping Ordinance 1952 [*Ord. 70/1952*], the employees shall be subject to the minimum requirement as specified in the Safe-Manning Certificate issued by the Marine Department of Malaysia.

(3) Nothing in this paragraph shall absolve or is deemed to have absolved the person referred to in this paragraph from complying with any requirement to submit any return or statement of account or to furnish any other information under the Act.

Made 21 June 2024

[LHDN.AY.A 600-12/1/7 (29)-353; MOF.TAX(S)700-2/1/193 Jld.2 (3); PN(PU2)80/JLD.112]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Finance Minister II

[*To be laid before Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the Income Tax Act 1967*]